

22 NOV 1998

Najib-Umno

KETEPIKAN PERKARA REMEH DALAM UMNO, KATA NAJIB

JOHOR BAHRU, 22 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak meminta anggota parti supaya mengetepikan perkara yang remeh dan sebaliknya berusaha mengukuhkannya bagi menuju kecemerlangan.

Setiap anggota parti harus memastikan mereka setia kepada pucuk kepimpinan negara dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya ketika merasmikan Seminar Pendaftaran Pemilih dan Keahlian Umno anjuran Umno Bahagian Pulau di sini hari ini.

Katanya, sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini merupakan yang terbaik kerana ia mementingkan soal kestabilan dan keamanan di samping menarik pelaburan untuk memajukan ekonomi negara.

"Itulah sebabnya kita menentang habis-habisan golongan yang cuba membuat kacau di negara ini termasuk perhimpunan haram oleh kumpulan tertentu," kata Najib, yang juga Menteri Pendidikan.

Beliau berkata kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore baru-baru ini yang menyokong gerakan reformasi jelas menunjukkan negara itu cuba campur tangan dalam urusan negara ini.

"Jangan bandingkan kita dengan zaman Hitler atau Stalin kerana kita lebih demokratik daripada sesetengah negara lain. Lagipun tidak ada parti pembangkang di negara ini yang membantah sistem kita," katanya.

Najib berkata tidak ada salahnya mencaci kerajaan tetapi untuk mengajak rakyat membuat rusuhan, ia langsung tidak boleh diterima.

"Yang disokong itu (kumpulan reformasi) bukan dipilih oleh rakyat. Jika kumpulan reformasi ini hendak menubuhkan parti politik, buatlah dan lawanlah dengan Barisan Nasional," kata beliau.

Mengenai penambahan keahlian Umno, Najib berkata usaha untuk memperbanyakkan ahlinya perlu terus dijalankan di semua tempat kerana Umno akan bertambah kuat jika mempunyai ramai ahli.

"Soal menambahkan keahlian dalam Umno penting dilakukan memandangkan Umno satu-satunya gerakan massa bagi orang Melayu dan kuasa teramai yang akan menentukan sama ada Umno terus berkuasa atau tidak," katanya.

-- BERNAMA

MKO MAI